




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 276 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49,420 kes. Empat (4) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di Daerah Sandakan, satu (1) kes di Daerah Kota Kinabalu dan satu (1) kes di Daerah Putatan. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 388 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 45,901 orang. Sejumlah 1,951 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 645 orang di hospital, 1,299 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 93 orang dan 28 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna dan Daerah Pitas bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan:

5 Daripada 276 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 172 kes (62.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 30 kes (10.9%), saringan kluster sedia ada 48 kes (17.4%), saringan PERKESO enam (6) kes (2.2%) dan 20 kes (7.2%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,088 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,121 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.87%.

B PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI SABAH SEHINGA 18 FEBRUARI 2021.

- 1 Selaras dengan keputusan di peringkat Persekutuan, PKP 2.0 di Negeri Sabah dilanjutkan bermula dari 5 hingga 18 Februari 2021.
- 2 Pergerakan merentas daerah dan negeri serta aktiviti sosial masih tidak dibenarkan, manakala SOP lain kekal seperti sebelum ini.

C PROGRAM LATIHAN BERPUSAT DI BAWAH MAJLIS SUKAN NEGERI SABAH

Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membenarkan latihan sukan secara *Quarantine Base* bagi Sukan Prestasi Tinggi sahaja kepada Atlet-Atlet Negeri Sabah bagi persediaan terhadap kejohanan antarabangsa, Sukma dan Para Sukma bermula dari 3 Februari 2021 berdasarkan SOP yang telah disediakan oleh KBSS serta tertakluk kepada SOP-SOP pihak berkuasa lain. Lampiran disertakan bersama.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 2 Februari 2021, sebanyak **2,365** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 43,566 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 115 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiga (3) tangkapan dibuat dan 12 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 72 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 60 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan sembilan (9) pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan dua (2) premis, di satu (1) buah daerah iaitu Daerah Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 115 lokasi di 16 daerah dengan hebahan dibuat dalam lapan (8) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Bisaya, Bahasa Brunei, Bahasa Bajau, Bahasa Murut, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bugis.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.85%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Beluran	94%
6	Kota Belud	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	92%
13	Tawau	92%
14	Semporna	92%
15	Sandakan	92%
16	Papar	92%
17	Kota Kinabalu	92%
18	Penampang	92%
19	Lahad Datu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
2 Februari 2021**